

05/09/1999

Calon: MCA Kedah serah kepada pucuk pimpinan

ALOR STAR: Badan Perhubungan MCA Kedah menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk memutuskan sama ada akan menambah calon parti itu dalam pilihan raya akan datang atau sebaliknya.

Pengerusinya, Datuk Chua Jui Meng berkata, perkara berkenaan adalah di bawah bidang kuasa kedua-dua pemimpin terbabit dan MCA Kedah akan menerima segala keputusan mengenainya demi kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya.

Sehubungan itu, katanya, MCA akan memastikan dua kerusi Parlimen dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi calon MCA dalam pilihan raya 1995 akan terus dipertahankan daripada dikuasai parti pembangkang.

Menurutnya, MCA Kedah sudah mengarahkan Ketua MCA bahagian menghubungi semua 53,000 ahli MCA negeri untuk memberikan penjelasan mengenai pelbagai isu semasa bertujuan memperkukuh jentera parti menjelang pilihan raya.

"Semua ahli ini adalah sumber utama bagi parti memastikan kemenangan BN. Arahan sudah diberikan kepada semua Ketua MCA bahagian supaya menggerakkan jentera parti bagi membantu BN mencapai kemenangan," katanya.

(END)